


PBAPP mohon semakan tarif air, tangani risiko air mentah

24/05/2021 03:55 PM



GEORGE TOWN, 24 Mei -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memohon semakan semula tarif air di Pulau Pinang bagi menangani risiko air mentah dan memastikan kelestarian bekalan air menjelang 2050.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan melaksanakan rundingan awam berkaitan cadangan semakan semula tarif air PBAPP yang dikemukakan pada 2019.

“Semakan tarif dibuat berdasarkan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) yang diluluskan oleh kerajaan Persekutuan manakala permohonan tersebut adalah untuk mempertingkatkan dana mencukupi bagi projek perbelanjaan pembangunan (CAPEX) dalam menangani risiko air mentah dan memastikan kelestarian bekalan air menjelang 2050,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata antara rasional utama permohonan PBAPP untuk semakan tarif air Pulau Pinang adalah termasuk PBAPP mesti terus melabur dalam pembangunan, penaiktarafan dan penyelenggaraan infrastruktur bekalan air untuk mengekalkan status quo tersebut pada tahun-tahun akan datang.

“Walaupun Pulau Pinang mempunyai bekalan air yang mencukupi ketika ini, ia tidak boleh kehabisan air dalam masa terdekat. Dalam industri air, bekalan mesti sentiasa melebihi permintaan.

“Selain itu, lebih 80 peratus air mentah yang diabstrak oleh PBAPP untuk operasi bekalan air harian datangnya dari Sungai Muda. Oleh itu, sebarang kejadian atau perkembangan negatif di hulu (di Sungai Muda dan Ulu Muda) akan secara langsung dan mempengaruhi bekalan air di Pulau Pinang dengan pantas,” katanya.

Beliau menambah tarif air domestik Pulau Pinang sedia ada untuk 35,000 liter pertama sebulan pada RM0.32 setiap 1,000 liter adalah yang terendah di Malaysia manakala tarif air perniagaan untuk 500,000 liter pertama pada RM1.36 setiap 1,000 liter adalah yang ketiga terendah di Malaysia.

“Tarif sedia ada yang rendah menyebabkan PBAPP tidak dapat mengumpulkan dana mencukupi untuk CAPEX yang dicadangkan dan pada 2019, PBA Holdings Bhd melaporkan keuntungan operasi sebanyak RM25.15 juta,” katanya.

Justeru, Jaseni berkata orang awam boleh mengakses dokumen berkaitan di laman web SPAN (https://apps.span.gov.my/rundingan_awam/pen804) bermula hari ini hingga 6 Jun bertujuan untuk berkongsi maklumat dan perincian mengenai cadangan semakan tarif air di Pulau Pinang, iaitu berkaitan permohonan semakan tarif yang dikemukakan oleh PBAPP kepada SPAN pada 2019.

“Dengan demikian, menyemak semula tarif air domestik boleh mendorong lebih ramai rakyat Pulau Pinang untuk ‘jimatkan air’, sepertimana mereka berusaha untuk menjimatkan kos elektrik, petrol, telefon bimbit, sambungan internet dan TV satelit,” katanya.